

# Bakar van lepas

H/M 7/10/2011 MS 4.

## curi RM2.2 juta

Lima lelaki bertopeng larikan kenderaan syarikat kawalan keselamatan

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim  
dan Raja Noraina Raja Rahim

am@hmetro.com.my

**S**HAH ALAM: Serbu, rampas dan bakar. Itu modus operandi sekumpulan lima lelaki bertopeng dan bersenjatakan pistol yang kini bergelar jutawan selepas melarikan sebuah van syarikat kawalan keselamatan membawa wang tunai RM2.2 juta dalam kejadian di sebuah stesen minyak berhampiran Balai Polis Ljok, Kuala Selangor, dekat sini, semalam.

Difahamkan, van itu ditemui semula kira-kira 30 minit kemudian dalam keadaan terbakar selepas dilarikan di

**FAKTA**  
Suspek juga bakar Proton Perdana dinaiki mereka

sebuah kawasan hutan, kira-kira 1.5 kilometer dari tempat kejadian.

Dalam kejadian jam 9.30 pagi itu, tiga petugas van kawalan keselamatan berusia 20-an berhenti di stesen minyak berkenaan untuk mengisi wang dalam mesin juruwang automatik (ATM) sebanyak RM200,000 sebelum diserang hendap kumpulan



MOHD ADNAN..siasat

penjenayah terbabit.

Menurut sumber polis, sebaik ketiga-tiga petugas syarikat kawalan keselamatan itu turun daripada kenderaan sambil membawa sebuah beg mengandungi wang untuk di-

masukkan ke mesin ATM berkenaan, tiba-tiba sebuah Proton Perdana berhenti dengan empat lelaki bertopeng turun daripada kenderaan itu.

“Dua daripada suspek mengacukan pistol ke arah ketiga-tiga petugas syarikat kawalan keselamatan itu menyebabkan mangsa panik dan gagal berbuat apa-apa,” katanya.

Sumber itu berkata, dua daripada suspek masuk ke dalam van kawalan keselamatan itu sebelum melarikan kenderaan berkenaan.

Difahamkan, perompak terbabit mengambil masa kurang dua minit untuk melarikan kenderaan itu.

“Seorang daripada mangsa

memaklumkan kejadian itu kepada majikannya sebelum laporan polis dibuat,” katanya.

Sumber itu berkata, bertindak atas maklumat itu, sepasukan anggota polis mengesan van terbabit dan hasilnya, kenderaan itu ditemui di kawasan hutan kira-kira 1.5 kilometer dari tempat kejadian.

“Ketika ditemui, bahagian dalam van terbabit dilaporkan terbakar manakala Proton Perdana dinaiki suspek juga terbakar di bahagian depan.

“Polis mengesyaki kumpulan terbabit sengaja membakar kedua-dua kenderaan itu bagi memusnahkan bukti,” katanya.

Katanya, berdasarkan mo-

dus operandi itu, polis turut mengesyaki kumpulan terbabit sudah meletakkan sebuah kenderaan di kawasan berkenaan bagi digunakan untuk melarikan diri sebelum kejadian itu.

Difahamkan, ketiga-tiga petugas syarikat kawalan keselamatan itu sudah ditahan bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Mohd Adnan Abdulah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan memberitahu jumlah kerugian dianggarkan RM2.2 juta selain memberitahu siasatan lanjut masih dilakukan.